

08/03/1997

Proton jamin tingkat pengeluaran

SHAH ALAM, Jumaat - Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) memberi jaminan meningkatkan jumlah pengeluaran serta membantu membina industri automobil di Afrika Selatan, berikutan minat yang tinggi dari negara itu.

Pengerusi Hicom Holdings Berhad, Datuk Mohd Saleh Sulong, berkata minat yang ditunjukkan Afrika Selatan perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi mengembangkan operasi syarikat.

"Kesempatan itu perlu diambil selepas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela sendiri menunjukkan minat yang tinggi malah kagum dengan pencapaian Proton selama ini," katanya ketika ditemui pemberita selepas meraikan lawatan Mandela di kilang Proton, di sini hari ini.

Turut hadir dalam lawatan itu, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie; Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin dan anggota delegasi dari Afrika Selatan.

Mohd Saleh berkata, pihaknya akan memastikan pengeluaran syarikat mampu memenuhi permintaan negara itu dan berusaha membuka kilang pemasangan kenderaan di Afrika Selatan.

"Kita bercadang membuka kilang bagi kedua-dua kereta dan motor. Bagaimanapun, pelbagai aspek perlu dikaji terutama dalam menentukan harganya selepas bayaran cukai dan sebagainya," katanya.

Mengenai dakwaan pemerhati ekonomi kononnya kerajaan akan membeli semua saham yang dimiliki Allahyarham Yahaya Ahmad, beliau berkata:

"Dalam pertemuan saya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, beliau langsung tidak menyentuh soal itu.

"Saya kira langkah itu tidak akan berlaku," katanya.

(END)